

East Seafront Project, naik taraf pesisir laut berhampiran Weld Quay

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri kini giat merancang untuk memulihara dan menaik taraf kawasan di sepanjang pesisir laut di sebelah timur bahagian pulau Pulau Pinang berhampiran Weld Quay di sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, projek dinamakan '*East Seafront Project*' akan dilaksanakan oleh *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) secara usahasama tiga pihak antara Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan *Aga Khan Trust for Culture* (Aga Khan).

"GTCDC merupakan tripartite yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan projek penambahbaikan ruang-ruang awam di sekitar bandar raya George Town dan Butterworth di Seberang Perai.

"Projek ini (*East Seafront Project*) mempunyai beberapa ciri utama seperti pembangunan kawasan kebudayaan, naik taraf kawasan di Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier (SPCT), hab pengangkutan bersepadu, kawasan bagi aktiviti perniagaan, riadah dan kawasan awam sepanjang jajaran dari terminal kapal persiaran sehingga ke kawasan berhampiran jeti-jeti klan.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mencadangkan agar diwujudkan kawasan tumpuan perniagaan baharu di Seberang Perai yang akan menghubungkan kawasan di bahagian pulau ini melalui laut," ujarnya dalam sidang media di sini 1 Ogos lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi; Pengarah Program Urbanisasi Think City, Dr. Matt Benson; Pengarah Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Rajendran dan Pengurus (BEAM), *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Muhammad Hijas Sahari.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pihaknya telah mengarahkan semua agensi berkaitan yang bakal terlibat dalam projek berkenaan supaya mematuhi garis panduan termaktub dalam senarai Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Semua agensi akan diarahkan untuk mematuhi

garis panduan warisan UNESCO semasa melaksanakan projek ini supaya tidak menjejaskan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia.

"Begitu juga dengan panduan digariskan dalam Rancangan Kawasan Khas (SAP) yang telah ditetapkan," ulasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC), Jeffrey Chew Gim Eam menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf di kawasan SPCT dijadualkan bermula pada September ini dan mengambil masa kira-kira setahun untuk siap.

"Buat masa ini, panjang terminal (SPCT) adalah 545 meter (m) dan akan diperluaskan ke arah utara dengan kepanjangan 793m.

"SPCT masih akan beroperasi seperti biasa sepanjang kerja-kerja menaik taraf dijalankan, dan kita (PPC) menjangkakan pertambahan penumpang kapal persiaran selepas ini," jelasnya.

Tambah Gim Eam, projek bagi pelebaran SPCT yang menelan kos RM155 juta itu ditanggung oleh Penang Port Sdn. Bhd. dan *Royal Caribbean Cruises Limited*.

"Pembangunan SPCT akan dibahagi secara fasa iaitu SPCT A, kira-kira 1.5 ekar keluasan masih dalam perbincangan pembangunan kerana terdapat gudang-gudang, tempat parkir dan bangunan lama.

"Bagi SPCT B pula, kira-kira 2 ekar lebih, pembangunan dijangka menelan kos RM100 juta yang dibiayai oleh syarikat swasta, juga masih dalam perbincangan.

"(Dan) SPCT C iaitu kawasan Tanjung City Marina, panggilan tender (RFP) telah dibuat dan tarikh akhir penghantaran adalah pada 11 Disember tahun ini. Kawasan ini sangat memerlukan 'bantuan' kerana banyak pontun terhanyut.

"Kesemua kawasan A, B dan C ini adalah sebahagian komponen dalam *East Seafront Project*," katanya.

Dalam pada itu, difahamkan bahawa Kerajaan Negeri akan mengadakan pertandingan cadangan reka bentuk bagi *East Seafront Project* berkaitan dan menyeru mana-mana pihak yang berminat sama ada dari dalam mahupun luar negeri untuk menyertainya